

23/08/2001

Plus Ronda enggan bantu penunggang motosikal

Teruna Prihatin

SAYA adalah pengguna yang kerap menggunakan lebuhraya, terutama Plus, KESAS dan LDP.

Boleh dikatakan negara kita mempunyai jaringan lebuhraya yang luas. Syabas kepada kerajaan di bawah pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dengan kerajaan yang ada, kita dapat menikmati pelbagai kemudahan prasarana yang baik.

Bagaimanapun, kita harus ingat bahawa sesuatu yang baik itu ada juga kekurangannya. Memang tidak dapat dinafikan Plus banyak menawarkan kemudahan yang ada seperti Kawasan Rehat & Rawat.

Apa yang ingin saya utarakan di sini ialah pihak bertanggungjawab yang mengendalikan projek lebuhraya di Malaysia tidak menjaga kebajikan pengguna kecil.

Baru-baru ini rakan saya terpaksa menunggu hingga ke hari siang kerana tayar motosikalnya pancit. Apabila rakan saya menghubungi Plus Ronda untuk mendapatkan bantuan, mereka mengatakan bukan tugas mereka membantu penunggang motosikal kerana kenderaan lain membayar tol seperti pemandu kereta, lori dan bas.

Sepatutnya pihak bertanggungjawab harus menyediakan perkhidmatan kepada semua pengguna lebuhraya. Kadangkala mereka dikenakan bayaran hingga RM120 untuk menukar tayar yang bocor oleh mekanik jalanan yang menunggu kesempatan untuk 'mencekik leher' pengguna.